

# GARIS PANDUAN TATACARA PENGENDALIAN PEMERIKSAAN PERUBATAN CALON PELATIH PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN) OLEH PEGAWAI PERUBATAN DAN PAKAR PERUBATAN

## 1. Borang Perakuan dan Pemeriksaan

Pemeriksaan perubatan calon Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) adalah dengan menggunakan borang-borang seperti berikut :

- 1.1 Borang Perakuan Kesihatan Kemasukan ke Program Latihan Khidmat Negara (JLKN/K/:01/Pin 3/08)
- 1.2 Borang Pemeriksaan Perubatan Calon Program Latihan Khidmat Negara (JLKN/K/:02/Pin 3/08)

## 2. Perakuan Kesihatan Peserta PLKN

- 2.1 Peserta yang terpilih untuk menyertai PLKN akan diberitahu melalui Notis Pemberitahuan Peserta (NPP).
- 2.2 Calon dikehendaki mengisi Borang Perakuan Kesihatan Kemasukan Ke Program Latihan Khidmat Negara (JLKN/K/:01/Pin 3/08) yang disertakan bersama NPP.
- 2.3 Calon yang mempunyai masalah kesihatan atau tidak pasti sama ada pernah menghidap penyakit, perlu menjalani pemeriksaan perubatan di klinik kesihatan atau Rumah Sakit Angkatan Tentera.


## 3. Proses Pemeriksaan Perubatan Peserta PLKN

- 3.1 Mana-mana calon yang mengisytihar bermasalah kesihatan, dengan sendirinya perlu pergi terus ke klinik-klinik kesihatan kerajaan/ Rumah Sakit Angkatan Tentera yang berhampiran untuk diperiksa keadaan kesihatan/ penyakitnya oleh **Pegawai Perubatan**.
- 3.2 Pegawai Perubatan yang akan menjalankan pemeriksaan perubatan perlulah memastikan Borang Perakuan Kesihatan Kemasukan ke PLKN (JLKN/K/:01/Pin 3/08) telah diisi lengkap dan dengan jujur oleh calon.
- 3.3 Pegawai Perubatan perlulah meneliti masalah kesihatan yang diperakui pelatih dan membuat penyiasatan lanjut jika perlu.
- 3.4 Hasil pemeriksaan beserta komen tambahan perlu direkodkan ke dalam Borang Pemeriksaan Perubatan Calon PLKN (JLKN/K/:02/Pin 3/08).
- 3.5 Carta alir di **muka surat 3** Borang Pemeriksaan Perubatan Calon PLKN (JLKN/K/:02/Pin 3/08) boleh dirujuk sebagai garis panduan bagi membuat keputusan klinikal hasil pemeriksaan perubatan calon PLKN.
- 3.6 Keputusan kelayakan calon perlu mengambil kira tahap kesihatan calon, jenis dan tahap latihan serta keupayaan perkhidmatan kesihatan yang disediakan di dalam kem-kem Program Latihan Khidmat Negara.

## 4. Keputusan Pemeriksaan

- 4.1 Pegawai Perubatan perlu melengkapkan bahagian keputusan pada Borang Pemeriksaan Perubatan Calon PLKN (JLKN/K/:02/Pin 3/08) dengan membuat ulasan mengenai masalah kesihatan yang diperakui pelatih dan penemuan pemeriksaan klinikal.
- 4.2 Pegawai Perubatan mestilah menyatakan sebab jika calon didapati Tidak Layak atau Tangguh untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara. Hanya seorang Pegawai Perubatan diperlukan membuat perakuan iaitu sama ada calon didapati Layak, Tidak Layak atau Tangguh.
- 4.3 Rujukan calon kepada Pakar perubatan boleh dilakukan jika Pegawai Perubatan tidak pasti masalah kesihatan calon atau tidak pasti akan status kesihatan calon. Pakar Perubatan yang membuat pemeriksaan ke atas calon hendaklah melengkapkan ruang yang disediakan di Borang Pemeriksaan Perubatan Calon PLKN (JLKN/K/:02/Pin 3/08) dengan menyatakan sebab jika calon didapati Tidak Layak atau Tangguh untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara.
- 4.4 Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan yang menjalankan pemeriksaan perlu menurunkan tandatangan dan cop rasmi pada ruang yang disediakan pada Borang Pemeriksaan Perubatan Calon PLKN (JLKN/K/:02/Pin 3/08) dan bahagian kiri atas Borang Perakuan Kesihatan Kemasukan ke PLKN (JLKN/K/:01/Pin 3/08).

# CARTA ALIR PEMERIKSAAN PERUBATAN CALON PELATIH PLKN



Calon menerima Notis Pemberitahuan Peserta dari JLKN

Isi Borang Perakuan Kesihatan Kemasukan ke PLKN (JLKN/K/:01/Pin 3/08)

Bawa Borang Perakuan Kesihatan Kemasukan ke PLKN (JLKN/K/:01/ Pin 3/08), Borang Pemeriksaan Perubatan Calon PLKN (JLKN/K/:02/Pin 3/08) dan dokumen rawatan lain yang diperlukan

A

Calon yang layak melapor ke kem seperti diarahkan

B

Calon menghantar Borang Perakuan Kesihatan Kemasukan ke PLKN (JLKN/K/:01/Pin 3/08) dan Borang Pemeriksaan perubatan Calon PLKN (JLKN/K/:02/Pin 3/08) ke JLKN